

RAMALAN POSITIF BUAT MSM

MSM meluaskan jejak melalui pasaran eksport dan produk-produk nilai tambah

KUALA LUMPUR, OKTOBER 24, 2019 – Ramalan positif buat MSM Malaysia Holdings Berhad memandangkan pasaran gula dunia dijangka akan beralih ke arah defisit dan memberikan peluang besar kepada MSM untuk meluaskan pasaran eksport. Baru-baru ini, Pertubuhan Gula Antarabangsa menjangkakan defisit sebanyak 3.5 juta tan untuk tahun 2019-20 dan meningkat hampir 6 juta tan untuk tahun 2020-21, berikutan jumlah pengeluaran yang berkurang di negara-negara pengeluar utama termasuk Brazil, Thailand dan Eropah.

Dengan pengeluaran yang semakin menyusut, bekalan gula dunia diramalkan akan berkurang tetapi jumlah stok yang banyak di samping pertumbuhan permintaan yang dijangka lemah berkemungkinan akan menghadkan pemulihan pasaran disertai harga yang rendah. Kekurangan stok gula adalah disebabkan daripada keadaan cuaca yang tidak menggalakkan, ekonomi yang lemah serta para petani beralih kepada tanaman yang lebih menguntungkan dan juga ethanol. Walaupun harga dijangka akan bertambah baik, dunia masih lagi terkesan daripada stok terkumpul yang masih tinggi dan memberi kesan pada pasaran.

Beberapa tahun kebelakangan ini, penurunan dalam kadar pertumbuhan permintaan di bawah 1.5% telah memberikan kesan jangka panjang kepada pengeluar-pengeluar gula disebabkan tekanan berterusan terhadap industri gula seperti pelaksanaan cukai gula di beberapa buah negara, sekatan polisi yang melibatkan kepentingan politik serta peningkatan dalam kempen anti-gula dunia. Perubahan polisi berasaskan politik di mana sesetengah kerajaan meningkatkan subsidi bagi membantu petani tempatan, telah mengabaikan impak yang membawa kepada pengeluaran berlebihan dan menyebabkan lambakan stok dalam pasaran.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Dato' Khairil Anuar Aziz berkata, "Kami sentiasa memantau harga dan pergerakan gula dunia. MSM akan mengambil peluang ke atas kos purata yang lebih rendah bagi setiap tan gula mentah berdasarkan NY#11 yang menggalakkan. Secara keseluruhan, defisit tersebut dijangka akan memihak kepada MSM, sekaligus memperkasakan pertumbuhan eksport serta meningkatkan kadar utilisasi, pengurusan kos yang optimum secara berterusan dan keseluruhan kecekapan dan produktiviti di kilang penapisan kami yang baru, MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd,"



Dengan kilang penapisan Johor, MSM kini mempunyai kapasiti untuk meluaskan pasaran di peringkat dunia serta mengukuhkan prospek dalam mempelbagaikan aliran pendapatan melalui produk-produk berasaskan gula dan mempunyai nilai tambah bagi memenuhi permintaan pelanggan-pelanggan seluruh dunia. MSM mensasarkan untuk mengeksport lebih daripada 100,000 tan produk gula ke rantau Asia menjelang tahun 2021 termasuk produk adunan pra-campur yang baru dihasilkan dan telah mula dihantar pada Jun 2019 di samping gula cecair yang telah memulakan penghantaran pertama pada Oktober 2019.

Beliau turut menambah, "Penggunaan gula cecair dan pra-campur dalam industri dianggap sebagai pengurusan kos yang efektif serta meningkatkan kecekapan pengeluaran. Pelaburan dalam fasiliti memproses gula pra-campur di kilang penapisan kami, telah membuka ruang buat MSM untuk menembusi pasaran pra-campur yang besar di negara-negara Asia di mana jumlah permintaan terkini dianggarkan dalam tiga juta tan setahun. Kami turut bercadang untuk menembusi pasaran sirap jagung terutamanya di Asia dengan anggaran permintaan sebanyak empat juta tan setahun. Ini akan menjadi batu loncatan buat MSM untuk terus meluaskan lagi pasaran eksport gula pra-campur dan cecair di peringkat dunia."

Kami berterusan memantau pasaran gula Singapura dalam peningkatan pembekalan gula secara terus ke negara tersebut. Dengan keputusan audit-audit yang terkini oleh syarikat-syarikat makanan dan minuman antarabangsa termasuk pengguna-pengguna industri tempatan di kilang penapisan MSM Johor, permintaan gula kami di Singapura dilihat sangat menggalakkan. Lori tangki pukal serta pek-pek pengguna kami telah tersedia untuk dibekalkan kepada pengguna-pengguna industri dan juga cawangan-cawangan runcitan di Singapura. Jumlah pasaran gula Singapura adalah 250,000 MT setiap tahun. Jarak yang dekat di antara MSM Johor ke pasaran Singapura menjadi kelebihan utama buat MSM.

Melangkah ke hadapan, MSM fokus dalam memastikan perniagaan yang kompetitif dan mampan dalam jangka masa panjang di pasaran tempatan dan antarabangsa. MSM amat komited dalam melaksanakan pelan pertumbuhan strategik untuk kekal disiplin dalam pengurusan kos dan mendefinisi semula perniagaan melalui mempelbagaikan pembangunan produk baru, meningkatkan kecekapan operasi dan pengurangan kos penapisan, proses perolehan gula mentah yang efektif dan terkawal serta melaksanakan projek tenaga kos rendah dengan melabur dalam platform tenaga yang boleh diperbaharui.

-TAMAT-



Maklumat MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM)

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) adalah pengeluar gula bertapis terkemuka di Malaysia yang terlibat dalam pengeluaran, pemasaran dan penjualan produk gula bertapis di bawah jenama. Syarikat ini menjalankan perniagaan terutamanya melalui tiga anak syarikatnya, MSM Prai Berhad, MSM Perlis Sdn Bhd dan MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd. Di samping itu, MSM juga mengendalikan syarikat logistik - MSM Logistics Sdn Bhd dan sebuah syarikat dagangan - MSM Trading International DMCC, yang berpangkalan di Dubai, Emiriah Arab Bersatu.

Pada masa ini, kapasiti pengeluaran tahunan MSM mencecah 2.25 juta tan gula bertapis. Pada tahun 2018, MSM mengeluarkan sebanyak 964,739 tan gula bertapis, di mana 109,613 tan adalah untuk pasaran eksport. Ketika ini, MSM menguasai 59% majoriti syer pasaran domestik. Ditubuhkan pada 10 Mac 2011, MSM disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad pada 28 Jun 2011 dengan modal pasaran sebanyak RM 1.83 bilion setakat 31 Disember 2018). MSM menggabungkan kejayaan ekonomi bersama perlindungan alam sekitar dan tanggungjawab sosial untuk masa depan yang mampan.

MSM juga menawarkan pelbagai rangkaian produk daripada gula bertapis putih pelbagai saiz sehinggalah ke gula perang halus. Kesemua produk ini telah dipasarkan dan dijual di dalam pelbagai bentuk pilihan pembungkusan di bawah jenama "Gula Prai". MSM juga turut menjual 'molasses' sejenis produk sampingan yang dihasilkan menerusi proses penapisan gula hingga ke produk penyulingan dan penghasilan etanol, makanan haiwan dan yis di kalangan lain-lain produknya.

MSM menjual ke seluruh rangkaian pengguna di Malaysia dan juga negara-negara lain secara langsung dan tidak langsung menerusi pedagang, pemborong dan pendedarnya. Para pelanggan termasuklah syarikat-syarikat besar yang terlibat di dalam industri makanan dan minuman, farmaseutikal, perhotelan, restoran, rangkaian kedai-kedai makanan serta pengguna isirumah.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.msmsugar.com

Pernyataan Berpandangan Ke Hadapan

Beberapa pernyataan dalam laporan ini mengenai operasi MSM adalah berbentuk pernyataan yang berpandangan ke hadapan. Pernyataan ini boleh dikenal pasti dengan kata-kata kunci seperti "percaya", "menganggarkan", "mengharapkan", "menjangka", "berhasrat", "mungkin", "akan", "merancang", "prospek" dan perkataan lain yang mempunyai maksud yang berkaitan dengan perbincangan mengenai prestasi operasi atau kewangan masa hadapan. Pernyataan ini berkaitan dengan rancangan, objektif, matlamat, strategi, operasi dan prestasi masa hadapan MSM. Keputusan dan hasil sebenarnya mungkin berbeza daripada yang diunjurkan dalam mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan disebabkan oleh pelbagai peristiwa, risiko, ketidakpastian dan faktor lain yang terlibat. Kami tidak berhasrat atau tidak menanggung apa-apa obligasi untuk mengemas kini atau meminda mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan, sama ada disebabkan oleh maklumat baharu, peristiwa masa hadapan atau sebaliknya.

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Siti Noorbaya Mohd Yunus
+603 2181 5018 ext. 137
+6016 677 6118
noorbaya.my@msmsugar.com

Ahmad Izwan Osman
+603 2181 5018 ext. 154
+6017 440 1027
ahmadizwan.o@msmsugar.com